



**PARLIMEN**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA P  
PARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI SELASA: 29 JUN 2010**

**CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEIM  
MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAP AT DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO.  
4,12 HINGGA 56)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 2, 3, 5 HINGGA 11 [RUJUK**

**PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**



**JAWAPAN: (Y.B. DATO' DR. MASHITAH IBRAHIM, TIMBALAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua

- (a) Berdasarkan rekod kemasukan Islam bagi Orang Asli seluruh Malaysia yang diperolehi dari Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) seluruh negara sehingga Disember 2009, jumlah Orang Asli Islam seluruh negara adalah seramai 34,623 orang.
  
- (b) Sesungguhnya kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memberi perhatian khusus kepada penduduk Orang Asli yang memeluk Islam. Justeru itu, JAKIM dengan kerjasama agensi Agama Negeri (JAIN/MAIN) telah menempatkan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) dan mubaligh di perkampungan Orang Asli bagi memberikan kefahaman Islam kepada mereka. Pada masa yang sama, JAKIM turut mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam bagi mendekati dan memberi tunjuk ajar mengenai Islam kepada golongan ini.

Keupayaan sebahagian daripada masyarakat Orang Asli mendirikan solat Jumaat dengan imam daripada kalangan mereka sendiri dan khutbah disampaikan dalam bahasa Orang Asli setempat membuktikan pendekatan yang dilaksanakan untuk memberikan kefahaman Islam kepada mereka telah membuahkan hasil. Keberkesanan pendekatan kefahaman Islam yang dijalankan selama ini turut terbukti apabila terdapat daripada kalangan Orang Asli sendiri yang telah dilantik sebagai Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) dan mubaligh yang berperanan memberikan tunjuk ajar mengenai Islam kepada

masyarakat mereka yang muslim.

Sekian, terima kasih.

No: 12

PEMBE  
RITAHU  
DARI PAD A PUAN TERESA KOK SUH SIM  
PERTAN (SEPUTEH)  
YAAN  
PERTANYAAN LISAN  
DEWAN  
TARIKH RAJYAT.2010  
SOALAN NO ' 12  
MALAYS

Puan Teresa Kok <sup>IA</sup> Suh Sim (Seputeh) minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan jumlah cukai yang dikutip oleh Malaysia Airport Holdings Bhd (MAHD) daripada MAS dan Air Asia pada tahun 2005, 2006, 2007, 2008 dan 2009. Sila nyatakan jumlah cukai lapangan terbang oleh MAS, AirAsia dan syarikat penerbangan lain setakat Mac 2010.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah cukai lapangan terbang yang diperoleh oleh MAHB daripada MAS dan AirAsia bagi tahun 2005, 2006, 2007, 2008 dan 2009 masing-masing adalah sebanyak RM202 juta, RM196 juta, RM241 juta, RM254 juta dan RM267 juta. Bagi tahun semasa iaitu sehingga 31 Mac 2010, jumlah kutipan cukai lapangan terbang daripada MAS, AirAsia dan syarikat penerbangan lain adalah sebanyak RM124 juta.

SOALAN NO : 13

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**LISA  
N DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI  
MOHAMED SAID [ KUALA KRAU**

**TARIKH**

**]**

**29 JUN 2010 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tahap kejayaan Program Skim Transformasi Usahawan Ternak (TRUST) dan program Pembangunan Ladang Nukleus semenjak ia dilancarkan dan sejauh mana ianya dapat mengurangkan kadar pengimportan daging dari luar negara.

**JAWAPAN**

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Skim Transformasi Usahawan Ternakan atau ringkasnya TRUST telah diwujudkan pada tahun 2005 untuk merangsang perkembangan penternak ladang dan bagi menggalakkan pertumbuhan industri haiwan yang mantap. Sepanjang pelaksanaannya program TRUST telah menunjukkan perkembangan yang menggalakkan dengan pencapaian seperti berikut:

- (i) kadar sara diri daging lembu telah meningkat dari 22% pada tahun 2006 kepada 27% pada tahun 2009 dan kadar sara diri daging kambing turut meningkat dari 9% kepada 10.3% pada tahun yang sama;

- (ii) populasi ternakan lembu telah meningkat daripada 774,402 ekor pada tahun 2006 kepada 1,020,000 ekor pada tahun 2009 dan populasi ternakan kambing juga meningkat dari 333,962 ekor kepada 635,640 ekor pada tahun yang sama; dan
- (iii) pengeluaran daging negara telah meningkat daripada 33,485 tan metrik pada tahun 2006 kepada 43,180 tan metrik pada tahun 2009.

Dengan peningkatan populasi ternakan serta pengeluaran daging negara, kadar pengimportan daging lembu/kerbau dari luar negara telah berkurangan sebanyak 3.8% iaitu sejumlah 100,931 tan metrik daging pada tahun 2009 berbanding 105,000 tan metrik daging pada tahun 2006.

Program Pembangunan Ladang Nukleus yang dijalankan di Pondok Tanjung, Taiping masih dalam peringkat pelaksanaan. Pada November 2009, sebanyak 500 ekor induk kambing boer telah mula ditenak dan 85% daripada bibit yang ditenak telah melahirkan anak pada April 2010. Sebanyak 300 ekor induk betina dan 180 ekor pejantan baka tulen berkualiti tinggi dari ladang ini dijangka akan mula diagihkan mulai Mac 2011 ke ladang-ladang pengganda pada setiap tahun.

**SOALANNO: 14**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN MANOGRAN A/L MARIMUTHU**

**TARIKH: 29 JUN 2010**

**SOALAN:**

**Tuan Manogran a/l Marimuthu [ Telok Intan ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-**

- (a) berapakah kes-kes yang tidak dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan oleh YB. Menteri



setelah aduan dibuat kepada Jabatan Perusahaan mengikut Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 untuk tempoh 2000 hingga 2009; dan

- (b) berapakah jumlah kes yang berjaya membatalkan keputusan YB. Menteri melalui pendengaran 'Judicial Review' di Mahkamah Tinggi untuk tempoh masa yang sama.

PR-1232-L38894

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh tahun 2000 hingga 2009, terdapat sebanyak 53,956 kes yang diadukan kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan bilangan kes yang tidak dirujuk ke Mahkamah Perusahaan bagi tempoh yang sama adalah 10,123 kes atau 18.8% dari jumlah tersebut. Pecahan kes mengikut tahun adalah seperti berikut:

Bil.	Tahun	Bilangan Kes yang Diterima	Bilangan Kes Yang Tidak Dirujuk Ke Mahkamah Perusahaan
1	2000	4,778 kes	167 kes
2	2001	5,502 kes	350 kes
3	2002	6,429 kes	382 kes
4	2003	5,666 kes	408 kes
5	2004	5,390 kes	2,235 kes
6	2005	5,874 kes	779 kes
7	2006	6,211 kes	2,954 kes
8	2007	4,846 kes	1,691 kes
9	2008	4,274 kes	886 kes
10	2009	4,986kes	271 kes
<b>JUMLAH</b>		<b>53,956 kes</b>	<b>10,123 kes (18.8%)</b>

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kes-kes rayuan pemulihan kerja mengikut Seksyen

20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 telah diputuskan oleh Y.B Menteri Sumber Manusia tidak wajar dirujuk ke Mahkamah Perusahaan memandangkan kes tersebut didapati tidak mempunyai fakta kukuh dan *frivolous* (remeh) selepas proses rundingan damai yang dijalankan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan.

Bagaimanapun, jumlah kes yang tidak wajar ini adalah kecil (18.8%) berbanding jumlah kes yang diterima dan wajar dirujuk ke Mahkamah Perusahaan

Tuan Yang di-Pertua,

(b) *Judicial Review* atau Semakan Kehakiman diambil oleh pihak pekerja atau majikan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Y.B Menteri Sumber Manusia yang tidak mewajarkan kes tidak dirujuk.

Sejak tahun 2000 sehingga 2009, terdapat sebanyak 284 kes permohonan Semakan Kehakiman (*Judicial Review*) yang telah difailkan di Mahkamah Tinggi.

Berdasarkan maklumat yang diterima dari Jabatan Peguam Negara, sehingga tahun 2009 Mahkamah Tinggi telah membatalkan keputusan bagi 18 kes yang sebelum ini diputuskan tidak wajar dirujuk ke Mahkamah Perusahaan sepatutnya dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Oleh itu, kes-kes berkenaan telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan berdasarkan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut.

**Soalan No: 15**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN**

**Y.B. Datuk Hajah Norah binti Abd**

**TARIKH  
SOALAN**

**Rahman (TANJONG MANIS)**

**29 Jun 2010**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan projek pembaikan atau membina baru rumah panjang di Stalon, Sebayang, Mupong, Bekakong, Perkampungan Melayu di Pulau Bruit, Selalang dan Perkampungan Cina di Kerapa di Parlimen Tanjong Manis kerana keadaan rumah-rumah tersebut amat daif dan penduduk-penduduk ini adalah dalam golongan miskin dan miskin tegar.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan amat komited membantu golongan miskin dan miskin tegar bagi mempunyai rumah yang selesa dan selamat. Justeru itu dalam tempoh pelaksanaan 2010 hingga 2012, Kerajaan mensasarkan untuk membina dan membaik pulih sejumlah 50 ribu unit rumah di bawah Program Bantuan Rumah, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (PBR, SPKR) di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2010 Negeri Sarawak telah diperuntukkan sejumlah RM120 juta bagi membiayai pembinaan rumah-rumah PBR sama ada bina baru atau baik pulih melibatkan sejumlah 5,778 unit rumah. Secara dasarnya mekanisme perancangan pelaksanaan PBR di Sarawak khasnya dalam memuktamadkan senarai kelulusan permohonan akan diselaraskan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak, Pejabat Residen dan *Focus Group* Daerah. Oleh yang demikian, senarai cadangan nama-nama penerima bantuan bagi projek-projek yang dipohon oleh Yang Berhormat atau lain-lain pihak yang berkenaan akan diteliti oleh mekanisme ini bagi menentukan kelayakan dan jenis bantuan yang akan diberikan iaitu sama ada bina baru atau baik pulih. Senarai nama penerima bantuan yang dimuktamadkan oleh *Focus Group* Daerah seterusnya dikemukakan ke Kementerian ini bagi disediakan peruntukan yang mana pelaksanaannya akan dibuat oleh Pejabat-pejabat Daerah berkenaan.

NO. SOALAN : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN NURUL IZZAHBINTI ANWAR [ LEMBAH PANTAI ]
TARIKH	29 JUN 2010 (SELASA)
SOALAN	

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :

- (a) dasar ekonomi, sosial dan politik yang diambil Kerajaan apabila memutuskan membuat rundingan terus bagi pembangunan tanah seluas 3,000 ekar di Sungai Buloh berbeza dengan pengumuman sebaliknya pada November 2008.; dan
- (b) anggaran keuntungan Kerajaan bagi projek pembangunan lapangan terbang lama Sungai Besi sekiranya dilaksanakan mengikut tender terbuka.

JAWAPAN:

Pada 12 Mei 2010, Kerajaan telah meluluskan secara prinsip cadangan pembangunan tanah Lembaga Getah Malaysia (LGM) di Sungai Buloh oleh Kwasa Land Sdn Bhd iaitu sebuah syarikat usahasama antara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan

pihak Kerajaan. Penglibatan secara langsung Kerajaan melalui usaha sama dengan KWSP ini membolehkan Kerajaan mengawal selia arah pembangunan dan menyelaraskan kepada agenda pembangunan negara, termasuk pembangunan kluster sektor industri tertentu yang selaras dengan Model Baru Ekonomi.

Pemilihan KWSP menerusi kaedah rundingan terus sebagai peneraju kepada cadangan pembangunan tanah LGM di Sungai Buloh ini adalah supaya pulangan dari pembangunan tersebut memanfaatkan lebih 12 juta ahli KWSP yang akan membawa kepada peningkatan taraf hidup rakyat secara amnya. Di samping itu, KWSP juga mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan dengan itu, sesuai untuk membangunkan tanah LGM yang luas iaitu kira-kira 3,300 ekar.



Melalui cadangan ini, KWSP menyasarkan peningkatan pelaburan dalam bidang hartanah daripada 2% kepada 5%. Di samping itu, banyak peluang pekerjaan akan turut ditawarkan melalui pembangunan ini. Pihak KWSP juga akan melibatkan beberapa syarikat hartanah swasta secara bidaan untuk turut menjayakan pembangunan tanah LGM.

Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan pembangunan semula lapangan terbang lama Sungai Besi masih dalam dalam penelitian Kerajaan. Sehubungan itu, anggaran keuntungan belum dapat ditentukan.

## SOALAN (17 )

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

LISAN

29 JUN 2010 (SELASA)

Y.B. DATO' SERI AZALINA BINTI

DATO' OTHMAN SAID

(PENCERANC)

**RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN TARIKH DARIPADA

### SOALAN

**Y.B. DATO' SERI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID (PENCERANC)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengenai tindakan yang diambil terhadap:-

- (a) warga asing yang dilihat semakin ramai menjalankan perniagaan di sesetengah kawasan sehingga menutup sumber pencarian penduduk tempatan; dan
- (b) warga tempatan yang mengambil keuntungan atas angin dengan menjual lesen perniagaan kepada warga asing.

### JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai usaha untuk memastikan



aktiviti perniagaan oleh warga tempatan tidak terjejas akibat banjir warga asing, Kerajaan telah memutuskan supaya lesen penaja tidak dikeluarkan kepada warga asing. sehubungan dengan itu, Kementerian

telah mengeluarkan pekeliling bertarikh 25 Februari 2004 kepada semua Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi melaksanakan keputusan ini.

Bagi membantu mengurangkan beban rakyat berpendapatan rendah ekoran daripada keadaan ekonomi yang kurang stabil, Kerajaan telah memutuskan supaya PBT mengeluarkan lebih banyak lesen dan permit perniagaan kecil. Oleh itu, Kementerian telah mengeluarkan pekeliling bertarikh bertarikh 30 Jun 2008 kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT agar PBT mempermudah dan mempercepatkan permohonan lesen dan permit perniagaan kecil. Dalam pekeliling tersebut, PBT sekali lagi telah diminta untuk memastikan tiada lesen dan permit perniagaan kecil dikeluarkan kepada warga asing. Setiap lesen perniagaan yang dikeluarkan tidak boleh dipindah milik tanpa kelulusan PBT. PBT dari semasa ke semasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan bagi memastikan warga tempatan tidak menyalahgunakan lesen yang telah diluluskan.

Bagi aktiviti perniagaan selain penjaja dan perniagaan kecil, setakat ini Kementerian tidak bercadang untuk menyekat ataupun mengawal penglibatan warga asing. Ini adalah bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi di mana negara akan memperolehi faedah daripada kutipan cukai dan peningkatan peluang pekerjaan.

No: 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELOK  
KEMANG)  
PERTANYAAN LISAN  
TARIKH 29.06.2010  
SOALAN NO 18

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang)  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah jaminan yang diberikan oleh Kerajaan kepada pinjaman-pinjaman yang diambil oleh syarikat-syarikat milik Kerajaan (GLC) yang berbentuk jaminan langsung atau pengeluaran bon-bon dari 2005; dan
- (b) baki pinjaman dan bon yang tertunggak dan perlu dijelaskan dari sekarang hingga tahun 2020.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah jaminan yang diberikan oleh Kerajaan kepada pinjaman-pinjaman yang berbentuk jaminan langsung atau pengeluaran bon dari 2005 hingga 2009 setakat 31 Disember 2009 adalah sebanyak RM87.8 bilion. Jaminan berkenaan melibatkan 2 badan berkanun serta 21 syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC). Jumlah jaminan langsung Kerajaan Persekutuan daripada pinjaman domestik ialah RM79.87 bilion dan pinjaman luar ialah RM7.9 bilion. Jumlah tersebut juga adalah baki pinjaman dan bon yang tertunggak yang perlu dijelaskan dari sekarang hingga tahun 2020.

*NO', t?*

<u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u>	
<u>PERTANYAAN</u>	<u>JAWAB LISAN</u>
DARIPADA	DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD
TARIKH	29 JUN 2010 (SELASA)
SOALAN	NO.19

Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [ Mukah ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa dan apakah kursus-kursus yang ditawarkan di UiTM Cawangan Mukah dalam tahun 2009 dan 2010.

#### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Mukah menawarkan tiga kursus pengajian pada sesi pengajian tahun 2009 dan 2010 iaitu:

- i. Pra Perdagangan
- ii. Diploma Pengajian Perniagaan
- iii. Diploma Pengurusan Ladang

NO. SOALAN:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN

TARIKH

Y.B. DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU)

29 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

Y.B. Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada lesen industri berkaitan dengan kegunaan gas di Kimanis dan adakah gas ini boleh disediakan dan terjamin untuk jangka panjang.

JAWAPAN:

Projek Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT) yang sedang dilaksanakan oleh PETRONAS dijangka siap pada hujung tahun 2013. Dengan siapnya projek ini, bekalan gas sebanyak 250 juta kaki padu sehari akan disediakan oleh PETRONAS mulai 2014 untuk keperluan di Sabah. Bekalan gas asli ini adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan jangka panjang pasaran domestik terutamanya sektor elektrik dan industri setempat. Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah akan menyelaras permohonan untuk mendapatkan bekalan gas di Sabah.

St/1/  
7

MO'./-/

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN            LISAN  
  
DARIPADA              DATUK TIONG THAI KING  
  
                                 [ LANANG - BN ]  
  
TARIKH                  29 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN NO. 7

Datuk Tiong Thai King (Lanang - BN) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a)    apakah perancangan Kementerian dalam meningkatkan prestasi Badminton negara demi merampas Piala Thomas; dan
- (b)    apakah usaha yang diambil untuk meningkatkan pencapaian Badminton negara dalam Piala Uber.

JAWAPAN

1.    Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dalam usaha meningkatkan prestasi pemain badminton negara akan memberi ruang dan peluang kepada pemain pelapis kebangsaan untuk menyertai lebih banyak kejohanan-kejohanan utama seperti Kejohanan Badminton 'Super Series', mewujudkan Kem Latihan Pusat jangka panjang bagi membina semangat sepasukan dan daya juang yang tinggi, mengadakan lebih kerap perlawanan simulasi dengan suasana sebenar pertandingan agar dapat meningkatkan tahap persediaan pemain-pemain dari segi mental dan semangat juang, mengubahsuai kaedah latihan pemain badminton wanita dan memberi penekanan kepada aspek sains sukan khususnya dari segi ketahanan fizikal dan mental.

*SULIT* |



***SUUT***

2. Di samping itu, Kementerian turut menekankan kerjasama persatuan-persatuan negeri dalam pencarian bakat-bakat pemain muda dan mewujudkan sebuah Akademi Badminton Kebangsaan.

**NO. SOALAN: .22.**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA  
BELAS (2010)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B.Tuan Haji Ahmad bin Kassim  
(Kuala Kedah)**

**TARIKH : 29 Jun 2010 (Selasa)**

**SOALAN:**

Tuan Haji Ahmad bin Kassim [Kuala Kedah] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik terkini jumlah pasangan umat Islam Malaysia yang berkahwin lari di luar negara khususnya di Thailand dan apakah prosedur yang diguna pakai oleh JAKIM dalam menyelesaikan konflik pernikahan tanpa izin wali dengan Jabatan Agama di negara berkenaan.



**JAWAPAN: (Y.B. DATO' DR. MASHITAH IBRAHIM,  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, jumlah rakyat Malaysia yang berkahwin di **Thailand pada tahun 2005 adalah sebanyak 176 kes**. Jumlah ini meningkat kepada **201 kes pada tahun 2006**. Bagaimanapun jumlah ini menurun kepada **117 kes pada tahun**

**2007, 103 kes pada 2008 dan 118 kes pada tahun 2009.**

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa prihatin dan mengambil berat berhubung pernikahan tanpa izin (bersalahan dengan undang-undang) di Malaysia. Bagi kes permohonan berkahwin yang bermasalah seperti wali enggan menikahkan adalah merujuk kepada perbalahan yang berlaku di antara anak perempuan dengan wali yang dipertanggungjawabkan seperti bapa. Perbalahan ini berlaku disebabkan oleh wali tidak bersetuju dengan pemilihan calon suami yang dikemukakan seperti terlibat dengan penagihan dadah, tiada pekerjaan tetap, berjudi, minum arak, bakal suami warganegara asing dan sebagainya.

Perbalahan juga timbul disebabkan oleh perkahwinan secara poligami. Selain itu, sikap anak yang terlalu dimanjakan sehingga tidak dapat menerima pendapat wali dalam pemilihan jodoh dan terlalu mengikut kata hati juga menyumbang kepada isu kahwin lari. Bagi memenuhi hasrat untuk berkahwin dengan lelaki yang berkenaan, perempuan mengambil jalan singkat dengan kahwin lari untuk mengelakkan daripada terikat dengan prosedur yang telah ditetapkan berdasarkan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 (Akta 303).

Untuk menangani masalah ini, Jabatan Agama yang berkenaan akan membuat siasatan awal untuk mengenalpasti punca masalah. Laporan siasatan akan dikeluarkan supaya kes yang terlibat dirujuk ke Mahkamah Syariah.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Datuk Siringan bin Gubat**

**[ Ranau ]**

**TARIKH**

**29 JUN 2010**

**SOALAN**

**Datuk Siringan bin Gubat [ Ranau ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah cadangan pembesaran dan tambahan bangunan hospital Ranau memandangkan tapak sudah tersedia sekian lama.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah menjalankan proses naiktaraf fasiliti-fasiliti kesihatan di Hospital Ranau. Melalui Pakej Rangsangan Ekonomi I, sejumlah RM572,306.68 telah dibelanjakan untuk kerja tambahan pengubahsuaian dan menaiktaraf Bilik *Autoclave* Unit Sucihamas,

naiktaraf Unit Farmasi, wad pengasingan, memasang pagar, naiktaraf Unit Tabung Darah, pemusatan bekalan oksigen di wad dan naiktaraf Taman Terapeutik. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi II tahun 2009 pula, sejumlah RM500.000 telah dibelanjakan untuk membuat *Drop Zone* dan pengubahsuaian tempat menunggu kenderaan di Unit Kecemasan dan juga kerja-kerja membaiki bumbung. Bagi pembelian peralatan perubatan, sebanyak RM451,050.00 telah dibelanjakan. Pada tahun 2010, sebanyak RM304,007.00 telah diluluskan untuk kerja-kerja menaiktaraf Hospital Ranau sedia ada.

Dalam usaha untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan yang diberikan, Kementerian juga telah mengenalpasti sebidang tanah kepunyaan kerajaan negeri di sebelah Hospital Ranau untuk pembinaan blok tambahan di masa hadapan. Tanah seluas 4 ekar akan diperolehi tidak lama lagi.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

LISAN TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)  
29 JUN 2010 (SELASA)

**TUAN JEFF OOI CHUAN AUN** minta **MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**menyatakan:**

Bahawa dengan termaktubnya Akta Persaingan 2010, apakah kedudukan Padiberas Nasional Bhd. (BERNAS) apabila monopoli dalam kegiatan mengimport beras pupus pada tahun 2011. Apakah sektor ini diletakkan di bawah penguatkuasaan Akta tersebut dan apakah harga beras akan diturunkan demi kepentingan rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Syarikat Padiberas Nasional Bhd. (BERNAS) tidak terlibat dengan termaktubnya Akta Persaingan 2010. Walau bagaimanapun, hak eksklusif mengimport beras yang telah diberikan kepada BERNAS sewaktu penswastan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) boleh ditarik balik sekiranya BERNAS gagal melaksanakan tanggungjawab sosial seperti yang telah dinyatakan di dalam Perjanjian Penswastan tersebut.

Pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji dan membuat penilaian terhadap prestasi BERNAS sama ada untuk menyambung atau menamatkan konsesi tersebut pada

tahun 2011. Kajian dan penilaian prestasi adalah berdasarkan kepada komitmen BERNAS dalam melaksanakan tanggungjawab sosial sebagaimana Perjanjian Penswastaan LPN iaitu :

- (a) Menyediakan dan menyelenggara stokpail sebanyak 292,000 MT dalam satu masa sebagaimana yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Langkah-Langkah Membendung Inflasi pada 30 Jun 2008;
- (b) Bertindak sebagai pembeli terakhir daripada pesanan pada harga minimum terjamin;
- (c) Memastikan kestabilan harga beras;
- (d) Menguruskan pembayaran subsidi harga padi kepada pesawah; dan
- (e) Membantu pengilang-pengilang padi Bumiputera.

Pada masa ini harga beras Super Spesial Tempatan 5 peratus (SST 5) ditetapkan oleh Kerajaan pada kadar RM26 sekilogram, Super Spesial Tempatan 10 peratus (SST 10) pada kadar RM24 sekilogram manakala Super Tempatan 15 peratus (ST 15) pada kadar RM16.50 hingga RM18.00 sekilogram mengikut zon. Harga beras import pula diapungkan mengikut harga pasaran.

#### **SOALAN NO: 25**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG**

**TARIKH: 29JUN2010**

**SOALAN:**

**Tuan Aaron Ago Anak Dagang [ Kanowit ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan strategi dan langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi dan meningkatkan produktiviti tenaga kerja di Malaysia yang 75 peratus masih dalam kategori “unskilled and low paid workers”, supaya negara kita dapat mencapai matlamat Kerajaan yang menuju ke arah “high income economy” dalam jangka masa terdekat.**



**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi mewujudkan negara yang berpendapatan tinggi, semua sektor ekonomi perlu meningkatkan produktiviti berlandaskan penggunaan kemahiran dan inovasi, koordinasi yang kukuh serta pematuhan piawaian antarabangsa dan perlindungan hak harta intelektual.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, KSM akan mengurus perdanakan pendidikan teknikal dan latihan sebagai landasan alternatif kepada para pelajar yang memasuki pasaran pekerjaan di mana Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), KSM adalah merupakan agensi tunggal dalam pembangunan dan pengesahan kualiti kurikulum pendidikan teknikal dan latihan vokasional berkenaan.

JPK telah dan sedang memperkembangkan latihan kemahiran teknikal negara melalui pembangunan Standard Pekerjaan Kemahiran Pekerjaan (*National Occupational Skills Standard - NOSS*). Dokumen standard ini merupakan spesifikasi kompetensi yang perlu dimiliki oleh pekerja mahir negara bagi sektor industri utama. Justeru, latihan kemahiran yang menggunakan NOSS adalah menepati keperluan industri sebenar.

Bagi meningkatkan kemahiran pekerja, pekerja industri mendapat peluang untuk mendapatkan peluang latihan kemahiran melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang diperkenalkan. Selain daripada memberi peluang kepada industri untuk melatih perantis baru mengikut keperluan industri, program SLDN juga boleh dimanfaatkan oleh pihak industri bagi memberi peluang kepada pekerja sedia ada untuk mengikuti latihan bagi meningkatkan kekompetenan ke tahap yang lebih tinggi.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Bagi menjulx\_Negara Berpendapatan Tinggi, Jabatan Pembangunan Kemahiran telah

mentauliahkan sebanyak 995 pusat bertauliah (PB) di seluruh negara merangkumi 4,915 program di mana program-program ini memenuhi keperluan 22 sektor industri. Sehingga penghujung tahun 2009, sebanyak 799,462 Sijil Kemahiran Malaysia merangkumi Tahap 1 - Tahap 5 telah dikeluarkan dalam pelbagai bidang termasuklah sijil k-worker kepada perantis di bawah program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

Bagi program SLDN, seramai 20,660 orang perantis daripada 997 buah syarikat telah melaksanakan SLDN. Sejumlah 26 Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan 93 pusat bertauliah (PB) swasta terlibat secara langsung dalam kerjasama latihan dengan industri-industri tersebut. Bagi enrolmen pelatih di pusat-pusat latihan iaitu dari tahun 2009-2010, seramai 132,420 orang pelatih sedang mengikuti latihan kemahiran di pusat latihan awam, swasta, industri dan juga pertubuhan/persatuan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan berharap, menerusi pengambilan pelajar dan penyediaan latihan terus menerus, matlamat negara untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran pekerja-pekerja akan menjanakan keperluan negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dapat dicapai.

**SOALAN ( 26 )**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH 29 JUN 2010 (SELASA)  
DARIPADA Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI  
KAMARUDDIN  
(AMPANG)

**SOALAN**

**Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (AMPANG)** minta  
**MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan

projek perumahan yang terbengkalai di Ampang dan apakah usaha Kerajaan Pusat bersama Kerajaan Negeri untuk membaik pulihnya.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2010, terdapat sebanyak **tiga (3)** projek perumahan terbengkalai di kawasan Ampang melibatkan sebanyak **571 unit rumah dan 510 bilangan pembeli.**

Tiga (3) projek perumahan swasta terbengkalai di Ampang adalah

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK/LOKASI</b>	<b>NAMA PEMAJU</b>	<b>BIL. UNIT RUMAH</b>	<b>BIL. PEMBELI</b>
1.	Taman Sri Angsana Hilir, Ampang	Kabra Holding Sdn. Bhd.	175 unit (Kos Tinggi)	165 orang
2.	Taman Kencana (Fasa III), Ampang	Syarikat Jaya Kencana Sdn. Bhd.	61 unit (Kos Tinggi)	61 orang
3.	Taman Estana Court, Ampang	Promista Development Sdn. Bhd.	335 unit (Kos Tinggi)	284 orang
<b>Jumlah</b>			<b>571 unit</b>	<b>510 orang</b>

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil beberapa langkah bagi menangani projek perumahan yang terbengkalai. Antaranya, mengadakan mesyuarat penyelarasan bagi ketiga-tiga projek yang berkaitan. status bagi projek-projek tersebut adalah seperti berikut

i) **Taman Sri Angsana Hilir, Ampang.**

KPKT telah mengendalikan 2 mesyuarat bersama dengan pihak

berkepentingan. HLB Ler Lum yang bertindak sebagai pelikuidasi telah mengeluarkan tawaran tender bagi kerja-kerja pemulihan projek pada 26 April 2010. sejumlah 5 pemaju telah menunjukkan minat dan memasuki tender berkenaan. Sehingga kini, pihak pelikuidasi sedang membuat penilaian ke atas tawaran 5 syarikat pemaju yang memasuki tender tersebut.

ii) **Taman Kencana (Fasa III), Ampang.**

2 mesyuarat telah diadakan oleh KPKT dengan pihak berkepentingan. Terdapat 1 pemaju penyelamat yang berminat untuk memulihkan projek terbengkalai ini. Turutan daripada itu, Jabatan Insolvensi Malaysia telah memproses tindakan penebusan hartanah dan rundingan dengan pihak ketiga iaitu Tetuan Sinesinga Sdn Bhd.

iii) **Taman Estana Court, Ampang.**

Projek ini sedang didalam proses pengambilalihan oleh pemaju penyelamat iaitu Kismajaya Sdn Bhd. Usaha-usaha pemulihan sedang di peringkat perancangan oleh pihak pemaju penyelamat.

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB 29
TARIKH	<u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u>
SOALAN	JUN 2010 (SELASA) N0.27

**Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [ Langkawi ] minta MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI** menyatakan

- (a) sejauh manakah penyelidikan dan kajian yang dilakukan oleh universiti-universiti digunapakai dan dimanfaatkan oleh sama ada industri atau pun orang ramai; dan
- (b) dalam sektor pertanian, nyatakan sama ada segala penemuan penyelidikan dibawa berbincang dengan agensi-agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas tani untuk dimanfaatkan oleh petani, penternak dan nelayan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009, sebanyak 127 produk telah dikomersilkan dan dipasarkan untuk kegunaan industri dan masyarakat. Penemuan dan penyelidikan dalam bidang pertanian yang telah dikomersilkan pada tahun 2009 adalah sebanyak 16 produk. Sebagai

contoh Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menghasilkan Baja AJIB dan VITA-GROW. Penggunaan Baja AJIB secara berterusan akan meningkatkan hasil Berat Tandan Segar (BTS) kelapa sawit. Ia mengandungi nutrien-nutrien makro yang meningkatkan hasil kelapa sawit yang bermutu tinggi. Sementara VITA-GROW adalah baja yang mengandungi nutrisi yang diperlukan semasa tahap pertumbuhan kritikal tanaman. Ia dapat meningkatkan hasil tanaman dan ini telah disahkan oleh beberapa Agensi seperti BERNAS, MARDI, FELCRA dan MADA. Universiti Malaysia Sabah (UMS) pula menghasilkan produk makanan ikan yang berkos rendah dan mesra alam. Produk ini mempercepatkan tumbesaran ikan, mempunyai nutrisi yang seimbang dan mengurangkan pencemaran.

Dalam usaha untuk menghebahkan hasil penyelidikan kepada petani, penternak dan nelayan. IPT digalakkan mengadakan perjanjian persefahaman dengan agensi-agensi yang terlibat dalam sektor pertanian. UPM, umpamanya telah mengadakan perjanjian persefahaman (MOU) dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mengenai maklumat dan laporan pertanian, bimbingan dan pemindahan teknologi serta khidmat kepakaran. Di samping itu, UPM juga turut menjalankan penyelidikan yang dicadangkan oleh MOA bagi menyelesaikan isu-isu dan penambahbaikan kepada hasil-hasil pertanian. Jawatankuasa PEMANDU dan jawatankuasa teknikal turut ditubuhkan dan diterajui bersama oleh UPM dan MOA bagi membincangkan dan menyelesaikan isu-isu yang berkaitan.

Soalan No : 28

**PEMBERITAHU**  
**PERTANYAAN**  
**DEWAN**  
**PERTANYAAN RAKYAT** LISAN  
DARIPADA Y.B. TUAN SIM TONG HIM  
(KOTA MELAKA)  
TARIKH 29.06.2010

**SOALAN:**

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) apakah tindakan yang akan diambil terhadap Tuan Hj. Sulaiman Bin Hj. Md. Yassin yang mencerobohi tanah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sungai Udang Melaka sekian lama; dan
- (b) sebab-sebab yang mengakibatkan tindakan tidak dapat dikuatkuasakan

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ketua Pengarah Jabatan Tanah dan Galian (JKPTG) cawangan Melaka Tengah telah menghantar peringatan terakhir melalui surat bertarikh 19 Mei 2010 untuk meminta Tuan Haji Sulaiman bin Haji Md. Yassin mengosongkan tapak sehingga tarikh akhir iaitu 18 Jun 2010 dan telah meminta Jabatan Perundangan dan Penguatkuasa, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) untuk tindakan meroboh.

Manakala pihak Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan telah pun berusaha dan berjaya mendapatkan sebidang tanah untuk tapak rumah Tuan. Hj. Sulaiman bin Hj. Mohd Yassin di Tanah Merah Pindah. ADUN kawasan juga telah meluluskan permohonan perumahan Mesra Rakyat didirikan di atas tanah itu. Pihak ADUN tiada halangan memberi kebenaran pihak berwajib untuk merobohkan rumah yang dimaksudkan terletak di atas tanah rezab Jabatan Kerja Raya (JKR) itu.

Rjm 56



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**LISA  
N YB. DATUK SERI PANGLIMA  
ABDUL GHAPUR BIN HAJI  
SALLEH**

**[KALABAKAN]**

**TARIKH JAWAPAN  
DI DEWAN  
RAKYAT**

**29 JUN 2010 ( SELASA )**

**SOALAN**

**NO.  
29**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah projek rancangan jana kuasa dengan menggunakan arang batu yang bakal dibina di Lahad Datu, Sabah telah mendapat kelulusan EIA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Terma Rujukan bagi laporan *Detailed Environment Impact Assessment* (DEIA), dengan izin, bagi projek loji jana kuasa berasaskan arang batu 300 MW di Felda Selatan, Lahad Datu, Pantai Timur Sabah telah dipamerkan pada 8-21 Mac 2010 di beberapa akhbar tempatan dan juga beberapa lokasi yang lain, seperti Perpustakaan, Majlis Daerah, Pejabat Daerah Lahad Datu dan sebagainya untuk

komen orang awam. Sehingga tarikh tutup pada 4 April 2010, hanya organisasi *Land Empowerment Animals People*, dengan izin, yang menghantar komen.

Laporan *Detailed Environment Impact Assessment* (DEIA), dengan izin, telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya oleh Lahad Datu Energy Sdn. Bhd. pada 26 Mei 2010 dan keputusannya dijangka akan dikeluarkan dalam masa beberapa bulan lagi.

\*\*\*\*\*

No So

**DARIPADA            TUAN CHOW KON YEOW  
(TANJONG)**

**PERTANYAAN :    LISAN**

**TARIKH                29.06.2010**

**Tuan Chow Kon Yeow (TANJONG) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bilakah "Goods and Services Tax" akan dilaksanakan dan sama ada kajian tentang impaknya telah dilakukan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan belum lagi menetapkan tarikh sebenar untuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Tindakan yang diambil oleh Kerajaan hanyalah membentangkan Rang Undang-Undang GST untuk bacaan kali pertama manakala tarikh bacaan kali kedua dan ketiga belum lagi ditetapkan lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat, kajian impak sosial pelaksanaan GST telah dilakukan pada penghujung tahun 2009 dan Kerajaan telahpun memaklumkan analisis dan laporan kajian impak tersebut kepada rakyat di dalam program-program kesedaran GST yang sedang dijalankan di seluruh negara.

SOALAN NO: 31

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI  
[ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH 29 JUN 2010 (SELASA)**

**SOALAN**

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah kriteria yang diguna pakai oleh Kementerian dalam menentukan siapakah pelajar yang layak menerima komputer dan komputer riba

yang diagihkan oleh Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**JAWAPAN DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengagihan komputer riba kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada isi rumah berpendapatan di bawah RM3.000 bagi kawasan luar bandar dan di bawah RM5.000 bagi kawasan bandar adalah berdasarkan nisbah berikut:



- (a) 65% diagihkan kepada pelajar-pelajar dengan keutamaan diberi kepada pelajar sekolah menengah Kerajaan/bantuan Kerajaan yang masih tiada pemilikan komputer dan langganan jalur lebar di seluruh negara; dan
- (b) 35% dibahagikan kepada golongan berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan kurang liputan serta kawasan yang telah tersedia perkhidmatan dengan sasaran pengagihan meliputi kampung-kampung tradisi, kampung-kampung baru dan pusat penempatan masyarakat setempat di seluruh negara.

Setiap isi rumah hanya layak menerima satu unit sahaja.

Program pengagihan komputer riba ini akan dilaksanakan secara berfasa, bermula dari bulan Jun sehingga akhir tahun 2010 dan turut melibatkan koordinasi dan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan pihak penyedia perkhidmatan.

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN : [BACHOK]

DARIPADA 29 JUN 2010

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa minta

MENTERI LUAR NEGERI

TARIKH

SOALAN[3aj  
DEWAN RAKYAT

menyatakan apakah hasil perbincangan yang diperoleh daripada pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat pada bulan April yang lalu.

BAGI JAWAB

LISAN

TUAN HAJI

NASHARUDIN

BIN MAT ISA

**Jawapan:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapitan di atas soalan yang telah dikemukakan. Dalam perkara ini, saya memohon izin daripada Yang Di-Pertua untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Bachok (9 Jun/hari yang sama) dan soalan daripada Yang Berhormat Balik Pulau bertarikh 5 Julai 2010, dan soalan Yang Berhormat Pasir Salak bertarikh 5 Julai 2010. Saya memohon izin Tuan Yang Di-Pertua untuk menjawab soalan-soalan mereka secara serentak, oleh sebab kesemua pertanyaan berkisar tentang lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat baru-baru ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak telah menghadiri Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di Washington pada 12-13 April 2010 dan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Obama pada 12 April 2010 di pinggiran Sidang Kemuncak tersebut di atas undangan Presiden Amerika Syarikat.

YAB Perdana Menteri mengambil kesempatan di atas jemputan Presiden Obama ini untuk melakukan lawatan kerja ke Washington D.C. dan New York pada 10-16 April 2010.

Semasa perbincangan dua hala tersebut, kedua-dua pemimpin antara lain telah berbincang dan bersetuju untuk meningkatkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan



dan pelaburan; pengajian tinggi; pelancongan; dan teknologi.

YAB Perdana Menteri juga mengambil peluang untuk menjelaskan kepada Presiden Obama perkembangan dalam negara, termasuk pelancaran dasar Model Ekonomi Baru; usaha-usaha Kerajaan untuk menambah perdagangan dua hala serta menarik pelabur-pelabur asing, termasuklah dari Amerika Syarikat, serta Rang Undang-Undang Perdagangan Strategik 2010 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada bulan April baru-baru ini.

Isu-isu lain yang dibincangkan ialah kerjasama memerangi dan membanteras pemerdagangan manusia dan keganasan antarabangsa; bantuan Malaysia kepada Afghanistan; pencalonan Malaysia untuk menganggotai Majlis Hak Asasi Manusia (*Human Rights Council*); Perkongsian Strategik Ekonomi Trans-Pasifik (*Trans-Pacific Strategic Economic Partnership - TPP*)\ perlucutan senjata dan ketakcambahan nuklear, termasuk program nuklear negara Iran.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai hasil lawatan, saya ingin memaklumkan bahawa lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat telah banyak mendatangkan faedah kepada negara. Ini termasuklah berjaya meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang dan juga merapatkan hubungan di antara pemimpin kedua-dua negara.

Dalam perbincangan tersebut, jelas bahawa Kerajaan Amerika Syarikat melihat Malaysia sebagai rakan yang penting dalam usaha untuk meningkatkan hubungan dengan negara-negara ASEAN dan

di rantau Asia Tenggara.

Kerajaan AS juga menganggap Malaysia sebagai contoh negara Islam yang moden, progresif dan saling hormat-menghormati hak agama lain.

Presiden Obama telah menyatakan harapan agar Malaysia akan terus memainkan peranan yang penting dalam dunia Islam dan membantu Amerika Syarikat dalam usaha mereka ke arah mendekati dunia Islam. Hasrat ini diterima baik oleh YAB Perdana Menteri dan dalam masa yang sama beliau turut memuji usaha pihak AS untuk merapatkan jurang dengan dunia Islam.

Lawatan YAB Perdana Menteri tersebut telah berjaya menarik minat syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat untuk melabur di Malaysia. Ini dapat dilihat dari pelaburan oleh Western Digital sebanyak USD 1.2 bilion di Malaysia dalam bidang penyelidikan dan pembuatan dan juga Coca-Cola sebanyak RM 1 bilion di Malaysia sepertimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini.  
Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana yang telah saya jelaskan tadi, penyertaan YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak ke Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di Washington pada 12-13 April 2010 dan mesyuarat dua hala dengan Presiden Obama pada 12 April 2010 di pinggiran Sidang Kemuncak tersebut di atas undangan Presiden Amerika Syarikat. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri mengambil kesempatan di atas jemputan Presiden Obama

ini untuk melakukan lawatan kerja ke Washington D.C. dan New York pada 10-16 April 2010.

Jemputan Presiden Obama kepada YAB Perdana Menteri merupakan pengiktirafan Amerika Syarikat kepada Malaysia sebagai negara membangun yang dinamik dan berjaya. Sekiranya Malaysia tidak berjaya dan tidak dihormati dalam komuniti global, Presiden Obama tidak akan meluangkan masa untuk mengadakan mesyuarat dua hala dengan YAB Perdana Menteri, malah mungkin Malaysia tidak diundang sama sekali untuk menghadiri Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di Washington D.C.

Dalam hubungan ini, saya ingin menegaskan bahawa tidak timbul soal Kerajaan Malaysia membayar mana-mana kumpulan lobi atau lain-lain pihak untuk menjayakan pertemuan antara YAB Perdana Menteri dan Presiden Amerika Syarikat.

NO. SOALAN: • 3B

PEMBERITAHU PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LIISAN  
DARIPADA : Yfc TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAM  
TARIKH : 29 JUN 2010 (SELASA)  
SOALAN :

0 Tuan Haji Wtofod Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kes yang didakwa di mahkamah berhubung dengan kegiatan penyebaran agama-agama lain kepada penganut agama

Islam sejak tahun 2005 hingga sekarang.

JAWAPAN:      DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

ff) Tuan Yang di-Pertua,

Undang-undang yang mengawal kegiatan penyebaran agama lain kepada penganut agama Islam telah digubal dan diwartakan di 10 buah Negeri seperti yang berikut:

- (a) Johor - E-nakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1991 [*Enakmen 12 tahun 1991*]-,

NO. SOALAN: ' \* > %

- (b) Kedah - Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1988 [*Enakmen 11 tahun 1988*];
- (c) Kelantan— Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Uagama Bukan Islam 1981 [*Enakmen 11 tahun 1981*],
- (d) Melaka— Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam 1988 [*Enakmen 1 tahun 1988*],
- (e) Negeri Sembilan— Kawalan dan Sekatan (Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam di Kalangan Orang Islam) (Negeri Sembilan) 1991 [*Enakmen 9 tahun 1991*];
- (f) Pahang— Enakmen Kawalan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam Negeri Pahang 1989 [*Enakmen 5 tahun 1989*];
- (g) Perak— Enakmen Kawalan dan. Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islaf# 1988 [Enakmen 10 tahun 1988];
- (h) Perlis— Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Iktikad dan Kepercayaan Agama yang Bertentangan dengan Agama Islam (Sunnah Waljama'ah) 2002 [*Enakmen 6 tahun 2002*];

NO. SOALAN: ^

J'

- (i) Selangor— Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) 1988 [*Enakmen 1 tahun 1988*]; dan
- (j) Terengganu— Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1980 [*Enakmen 1 tahun 1980*].

Bagi Wilayah Persekutuan, draf undang-undang yang berkaitan sedang di peringkat akhir penggubalannya.

Sejak tahun 2005 sehingga kini, hanya terdapat satu kes sahaja berhubung dengan kegiatan penyebaran agama-agama lain kepada penganut agama Islam yang dikenakan tindakan pendakwaan iaitu kes PP lwn. Krishnan a/S Mufhu (Kes Majistrel: No. MA-83-146-2002) di Mahkamah Majistret Temerloh. Dalam kes tersebut, tertuduh yang merupakan seorang lelaki India telah dituduh di bawah subperenggan 4(1)(l) Enakmen Kawalan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam Negeri Pahang 1989 [*Enakmen 5 tahun 1989*]. Tertuduh telah didapati bersalah dan dihukum di bawah subseksyen 4(2) Enakmen tersebut dengan hukuman denda sebanyak RM 1500.00 dan penjara 20 hari.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                      LISAN

DARIPADA                        YB DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

    [KUALA SELANGOR]

TARIKH                             29 JUN 2010

SOALAN

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah maksud Kerajaan ketika membuat tawaran semasa berkempen kepada penduduk Rejang Park dengan bayaran cek RM5 juta pada hari Isnin kalau mereka memenangkan calon BN, Robert Lau pada hari Ahad dalam Pilihanraya Kecil Sibulitu.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Keadaan infrastruktur di Kawasan Rejang Park seperti sistem longkang, perparitan dan jalan raya yang tidak memuaskan menyebabkan kesusahan yang dialami penduduk sewaktu hujan lebat dan membawa kepada banjir telah disuarakan oleh penduduk di situ sewaktu program *walkabout* YAB Perdana Menteri sewaktu tempoh berkempen.

Selaras dengan konsep 1 Malaysia yang dipelopori oleh YAB Perdana Menteri yakni Rakyat Didahulukan, beliau telah mengambil kesempatan

ini melahirkan hasrat untuk membantu rakyat, tanpa mengira waktu maupun dimana beliau berada.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** Y.B DATO' ISMAIL BIN KASIM

[ARAU]

**TARIKH** 29 JUN 2010

**SOALAN**

Y.B DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan mengapakah sistem pembinaan menggunakan teknologi "*Industrialised Building System*" atau IBS masih tidak digunakan secara meluas di Malaysia dan apakah terdapat teknologi milik tempatan yang mampu untuk mengurangkan kos dan masa pembinaan serta meningkatkan kualiti bangunan yang dibina.

**JAWAPAN**



Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan penggunaan kaedah Sistem Pembinaan Berindustri atau lebih dikenali *Industrialised Building System (IBS)* dalam industri pembinaan projek-projek Kerajaan dengan penguatkuasaan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 pada 31 Oktober 2008. Pekeliling ini menetapkan bahawa semua projek pembinaan bangunan Kerajaan yang bernilai melebihi RM10 juta mestilah menggunakan 70% komponen IBS.

Tuan Yang DiPertua,

Pada masa ini pelaksanaan IBS melibatkan pembinaan projek-projek dan bangunan Kerajaan telah menunjukkan kejayaan yang membanggakan dibandingkan dengan pelaksanaan projek-projek swasta yang menggunakan kaedah IBS. Data yang diperolehi daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri pada 30 April 2010 menunjukkan bahawa sebanyak 294 buah projek Kerajaan bernilai RM6.01 billion telah dilaksanakan menggunakan kaedah IBS.

Kementerian Kerja Raya akan terus berusaha untuk meningkatkan penggunaan kaedah IBS oleh pihak swasta. Untuk itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sedang merangka Katalog Standardisasi Komponen IBS yang mengurangkan bilangan komponen lantai, rasuk dan tiang. Pengurangan bilangan ini akan memangkinkan pengeluaran komponen IBS secara

besar-besaran yang akan mengurangkan kos komponen. Tambahan lagi katalog yang dihasilkan ini boleh digunakan oleh pihak swasta bagi menggalakkan pembinaan secara IBS di dalam pembangunan mereka. Pada masa yang sama, JKR dan CIDB sentiasa berusaha untuk mempromosi pembinaan dengan kaedah IBS. Pelbagai latihan berkaitan IBS telah dan sedang dijalankan untuk pengeluar baru, perekabentuk, kontraktor dan kontraktor pemasang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi memastikan pelaksanaan kaedah IBS memberi impak yang berkesan kepada kualiti dan kemajuan industri pembangunan negara di masa hadapan, CIDB sedang menjalankan satu kajian untuk menilai kesan penggunaan IBS dari segi kos, masa projek disiapkan, kualiti projek dan pengurangan kebergantungan kepada tenaga buruh terutamanya buruh asing.

No: 36

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DARIPADA DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN  
JAMALUDDIN  
(BUKIT GANTANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 29.06.2010

SOALAN NO 36

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mempraktikkan slogan 1 Malaysia yang rata-rata tidak bersetuju pengeluaran lesen judi bola sepak dunia dan mahukan lesen tersebut ditarik balik.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan belum lagi mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi pertaruhan *bookie* di Malaysia .

2. Kerajaan juga belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan dengan Syarikat Ascot Sports bagi menjalankan operasi pertaruhan *bookie*

di Malaysia.

3. Kerajaan masih mendapatkan maklumbalas/ pandangan pelbagai pihak terhadap cadangan perlesenan pertaruhan *bookie* di Malaysia dengan hasrat untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan perjudian tanpa lesen di Malaysia.



**SOALAN 37**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN  
RAKYAT  
DARIPADA TAN YAA  
TARIKH DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN  
SOALAN RAFIQUE [SETIAWANGSA]  
29 JUN 2010  
Meminta MENTERI PELANCONGAN  
menyatakan:**

Berapakah jumlah pelancong yang datang ke negara ini pada tahun ini berbanding tempoh yang sama tahun lalu dan apakah penyebab

kepada perubahan jumlah tersebut.

**SOALAN 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**



## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia bagi tempoh Januari hingga April 2010 adalah seramai 7.62 juta orang berbanding 7.34 juta orang untuk tempoh yang sama pada tahun 2009 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 3.9 peratus. Trend peningkatan ini disebabkan oleh faktor-faktor berikut:-

- i) cuti musim perayaan Tahun Baru Cina pada bulan Februari yang telah mendorong pelancong dari negara-negara serantau berkunjung ke Malaysia;
- ii) tawaran tambang murah, pertambahan kekerapan dan pertambahan penerbangan terus oleh syarikat-syarikat penerbangan serta 44 penerbangan khas diterima dari Hong Kong, Taiwan, Beijing, Kunming, Guangzhou dan Shanghai sempena musim perayaan tersebut;
- iii) pelancong asing mengambil kesempatan sempena musim cuti sekolah di kebanyakan negara-negara ASEAN dalam bulan Mac hingga April untuk melancong ke Malaysia; dan

kempen-kempen taktikal yang dijalankan oleh Pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negara bagi menarik peminat- peminat sukan Formula 1 pada bulan April serta acara jualan Grand Prix.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>BERIPADYAAN</b>	<b>TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB</b>
<b>TARIKH</b>	<b>29 JUN 2010 (SELASA)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>NO.38</b>

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kerajaan sedar atas kecuaiian Jabatan Penuntut Malaysia di Kaherah menguruskan pendaftaran para pelajar Tahfiz Al-Quran di Ma'ahad Syubra menyebabkan para pelajar tersebut tidak dapat menduduki peperiksaan yang baru lalu. Jika sedar, apakah tindakan selanjutnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pelajar yang mengikuti jurusan Tahfiz Al-Quran di Ma'had Qiraat Al-Azhar Mesir (*Syubra* dan *Mansourah*) yang melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah mendaftar dan menduduki peperiksaan tanpa sebarang masalah. Pelajar-pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan adalah merupakan pelajar yang diuruskan oleh agen-agen pengambilan tanpa melalui kementerian.

Perkara ini berlaku adalah disebabkan fail pelajar lewat dihantar ke pejabat Idaratul Wafidin al-Azhar oleh sebuah persatuan yang membantu agen menguruskan kemasukan pelajar tersebut. Fail-fail pelajar tersebut sepatutnya dihantar sebelum atau pada 30 Oktober 2009 sebelum tamat visa pelajar. Walau bagaimanapun, fail tersebut hanya dikemukakan ke Jabatan Penuntut Malaysia Kaherah (JPMK) pada 26 Disember 2009.

Pada tahun sebelumnya apabila berlaku kes kelewatan seperti ini, Syeikh al-Azhar al-Tantawi (al-Marhum) membenarkan juga fail pelajar dihantar ke Maahad Qiraat walaupun visa pelajar telah tamat tempoh. Namun pada masa kini Syeikh al-Azhar Imam al-Akbaryang baru iaitu Dr. Ahmad Tayyib telah bertegas untuk tidak membenarkan perkara seperti ini berulang.

Bagi membantu menyelesaikan masalah ini, JPMK telah menghantar surat rayuan kepada Syeikh Al-Azhar bertarikh 7 April 2010 untuk meminta pengecualian bagi membenarkan pelajar tahun 1 memasuki peperiksaan. Susulan daripada itu satu perbincangan di antara JPMK dengan Syeikh Dr. Muhammad Wasil pada 4 Mei 2010 telah diadakan. Hasil daripada perbincangan tersebut, pelajar hanya dibenarkan mengambil peperiksaan lisan, manakala peperiksaan bertulis boleh diambil pada semester kedua iaitu pada bulan Julai 2010.

**Mo: 3<f**

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL  
KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS**

2

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN**

**BUMBURING@WILFRED [ TUARAN ]**

**TARIKH**                      **29 JUN 2010**

**SOALAN**                      **39**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah tahap respon dari masyarakat akar umbi terhadap program TAPMOSTI @ COMMUNITY.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Program TAPMOSTI@COMMUNITY dilancarkan pada 24 Jun 2009. Ianya berdasarkan prinsip manfaat daripada kemajuan sains dan teknologi tidak seharusnya terhad kepada golongan berpendapatan tinggi atau pun cendekiawan, malah akses kepada teknologi seharusnya turut dinikmati oleh keseluruhan lapisan masyarakat.



Program TAPMOSTI@COMMUNITY ini bertujuan membantu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti dan produktiviti serta taraf hidup masyarakat melalui akses kepada aplikasi teknologi yang dibangun atau diperolehi oleh MOSTI.

Sambutan daripada masyarakat akar umbi bagi program ini amat memberangsangkan. Ini dapat dilihat dengan jelas daripada jumlah permohonan yang diterima sejak dilancarkan iaitu sebanyak 279 permohonan.

Sehingga kini, Kementerian telah meluluskan 23 teknologi bernilai RM19.518 juta di 176 lokasi dan sebanyak 183 kumpulan komuniti telah mendapat faedah daripada program ini.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB TUAN GOBALAKRISHNAN A/L  
NAGAPAN [ PADANG SERAI ]

TARIKH 29 JUN 2010

SOALAN :

#### SOALAN 13:

Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [ Padang Serai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah perbelanjaan keseluruhan untuk Datin Seri Rosmah Mansor, isteri kepada Perdana Menteri Malaysia semasa melawat New York baru-baru ini.

NO. SOALAN : 40

I





**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kos perbelanjaan penginapan dan perjalanan Datin Seri Rosmah Mansor adalah termasuk di dalam perbelanjaan yang disediakan untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaras dengan kedudukan beliau sebagai isteri Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED**

**[SEPANG]**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**TARIKH**

**29.06.201**

**0 41**

**SOALAN NO**

**Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara dalam ekonomi dunia yang tidak menentu dewasa ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Ekonomi negara telah kembali kukuh mencatat pertumbuhan positif 4.4 peratus pada suku keempat 2009 dan 10.1 peratus bagi suku pertama tahun 2010. Prestasi ini disokong oleh permintaan berterusan domestik terutamanya kesan positif pelaksanaan daripada kedua-dua pakej rangsangan ekonomi serta dimantapkan oleh peningkatan hasil eksport negara.



2. Aktiviti pelaburan domestik bertambah cergas pada kadar 5.4 peratus dalam tempoh suku pertama, menggambarkan pemulihan keyakinan pelabur. Selain itu, syarikat telah mula meningkatkan kapasiti pengeluaran yang kini mencecah 81.7 peratus, dicerminkan oleh peningkatan import barangan modal sebanyak 27.5 peratus dalam tempoh yang sama.

3. Prestasi sektor luaran juga amat menggalakkan dengan jumlah eksport meningkat ketara sebanyak 19.3 peratus, berikutan pemulihan ekonomi dan perdagangan global. Selaras dengan perkembangan ini, nilai ditambah dalam sektor pembuatan mencatat pertumbuhan amat ketara pada kadar 16.9 peratus. Sektor ekonomi utama lain turut mencatat pertumbuhan positif yang tinggi termasuk pertanian (6.8 peratus), perkhidmatan (8.5 peratus) dan pembinaan (8.7 peratus).

Tuan Yang di-Pertua,

4. Momentum pertumbuhan ini dijangka berterusan sepanjang tahun 2010 dengan sektor swasta menerajui dan menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Langkah ini terus disokong oleh beberapa usaha yang telah diambil untuk memangkin pelaburan swasta ke tahap yang lebih cergas, termasuk:

- a. menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan berorientasikan pasaran;
- b. meliberalisasi 27 sub sektor perkhidmatan;
- c. melonggarkan pegangan ekuiti asing;

- d. mengkorporatkan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA);
- e. melupuskan aset bukan teras kompetitif beberapa syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) di mana pemegang saham strategik yang baru mempunyai potensi untuk meningkatkan pewujudan nilai serta meningkatkan kadar apungan (*liquidity*) dan kebolehlaburan (*investability*) saham GLC terbabit;
- f. melaksanakan inisiatif gelombang kedua penswastaan; dan
- g. meningkatkan inisiatif projek perkongsian awam-swasta (PPP).

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi mencergaskan lagi pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan akan melaksanakan langkah agresif dan inovatif bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara untuk memastikan Malaysia terus dinamik dan kekal kompetitif berasaskan empat tiang utama iaitu 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan; Program Transformasi Kerajaan (GTP); Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang bersandarkan Model Baru Ekonomi (MBE); dan dua rancangan lima tahun, iaitu Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Kesebelas.

6. Menerusi langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan, Malaysia telah berjaya menjadi antara 10 negara paling kompetitif dunia, seperti yang diumumkan dalam Laporan *IMD World Competitiveness Yearbook 2010* (2009: 18). Ini adalah hasil langkah

penambahbaikan yang signifikan yang telah dilakukan dalam kedua-dua sektor awam dan swasta.

7. Dengan mengambil kira pencapaian pertumbuhan yang menggalakkan dalam tempoh suku pertama 2010 serta usaha jitu transformasi Kerajaan dan transformasi ekonomi, Kerajaan yakin negara boleh mencapai sasaran pertumbuhan KDNK 6 peratus bagi tahun 2010.





SOALAN NO: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL

[ SUNGAI PETANI ]

TARIKH 29 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI  
PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

(a) adakah Kerajaan berhasrat mengikut jejak fangkah Kerajaan Negeri Melaka yang berjaya mempertahankan keaslian bangunan bersejarah dengan memberikan peruntukan kepada negeri-negeri lain jika ada bangunan-bangunan bersejarah perlu dikekalkan; dan

(b) jika ada, peruntukan apakah kriteria dan garis panduan yang diguna pakai oleh kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kerajaan tidak meminggirkan mana-mana negeri dalam

usaha untuk mengekalkan bangunan bersejarah. Kementerian melalui Jabatan Warisan Negara bertanggungjawab untuk memulih, memelihara dan mengekalkan warisan Negara termasuk bangunan-bangunan bersejarah seperti yang termaktub di dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005. Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM55.1 juta di bawah RMKe-9 yang disalurkan kepada Jabatan Warisan Negara bagi kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah di seluruh Negara tanpa mengira lokasi, tempat atau negeri tertentu. Begitu juga di bawah RMKe-10, yang mana banyak bangunan warisan di seluruh Negara turut dikenalpasti tanpa mengira negeri tertentu. Oleh itu, pemuliharaan bangunan bersejarah akan dilaksanakan berdasarkan keutamaan, hasil daripada kajian yang dilakukan di samping mengambil kira peruntukan sedia ada.

Tanggungjawab memastikan pemuliharaan bangunan bersejarah tidak hanya terletak di bawah kerajaan persekutuan semata-mata, bahkan pemiliknya juga bertanggungjawab memastikan bangunan mereka terpelihara sepertimana yang dinyatakan pada Seksyen 42(1) & (2). Baru-baru ini, Melaka telah mendapatkan bantuan untuk memelihara warisan termasuk bangunan-bangunan bersejarah kerana pengiktirafannya sebagai Warisan Dunia di mana

ia perlu menguruskan bandar Warisan Dunia ini dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

(b) Secara umumnya, asas-asas pemilihan bangunan untuk diberikan keutamaan pemuliharaan dan pemeliharaan adalah:

- (i) satu-satu bangunan memenuhi kriteria yang telah dinyatakan pada Seksyen 67(2) serta telah didaftarkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.
- (ii) satu-satu bangunan warisan penting yang dalam keadaan benar-benar memerlukan bantuan segera akibat terlalu usang, hampir roboh atau lain-lain.

No:43

DARIPADA PEMBE  
RITAHU TENGKU RAZALEIGH HAMZAH  
PERTA ( GUA MUSANG)  
PERTANYAAN NYAAN LISAN  
TARIKH DEWAN 29.06.2010  
RAKYA  
SOALAN NO T, 43  
MALAY  
Tengku Razaleigh Hamzah ( Gua Musang ) minta MENTERI  
KEWANGAN SIA menyatakan berapakah jumlah wang yang telah  
dipulangkan kembali kepada Kerajaan oleh syarikat dan individu yang  
diselamatkan dari sejumlah lebih kurang lima puluh bilion ringgit yang  
digunakan sewaktu krisis ekonomi 1998.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Institusi perbankan memainkan peranan yang penting di dalam sistem kewangan sesebuah ekonomi. Krisis kewangan Asia 1997-1998 telah menjejaskan sistem kewangan negara dan memberikan kesan buruk kepada pertumbuhan ekonomi. Sistem perbankan telah terjejas akibat daripada peningkatan ketara dalam pinjaman tidak berbayar (*non-performing loans*, NPL) berikutan kelembapan aktiviti ekonomi.

Keadaan ini telah menyebabkan Kerajaan mengambil langkah segera bagi membolehkan aktiviti pemberian pinjaman diteruskan supaya pertumbuhan ekonomi negara dapat dipulihkan.

2. S

Salah satu daripada langkah yang diambil untuk mengukuhkan daya tahan sistem kewangan serta mengelakkan risiko sistemik adalah menubuhkan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) pada bulan Mei 1998 untuk mengurangkan tekanan NPL ke atas sistem perbankan. Langkah ini adalah untuk membolehkan institusi perbankan menumpukan semula perhatian terhadap aktiviti pemberian pinjaman tanpa dibebankan dengan tugas menguruskan aset yang bermasalah. Danaharta diberikan mandat untuk membeli, mengurus dan mendapatkan nilai pemulihan tertinggi daripada NPL yang diambil alih tersebut.

3. B

Sebelum memulakan operasi Danaharta, Kerajaan telah memperuntukkan RM3 bilion sebagai dana permulaan. Selain daripada itu, Danaharta juga telah membuat pinjaman dan menerbitkan bon untuk memenuhi keperluan pembiayaan bagi membeli dan menguruskan NPL. Danaharta telah membuat pinjaman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional serta daripada institusi perbankan yang berjumlah RM1.95 bilion serta menerbitkan bon bernilai RM11.14 bilion. Sehingga 31 Disember 2005, Danaharta telah menyelesaikan kesemua pinjamannya ini serta menebus semula bon yang diterbitkan.

4. Keseluruhan NPL yang dibeli dan diuruskan oleh Danaharta adalah berjumlah RM47.68 bilion pada nilai tukaran sebenar (*original*

*transfer value*) yang melibatkan 2,902 akaun kepada 2,563 peminjam. Sehingga 31 Disember 2005, nilai pasaran NPL yang diuruskan oleh Danaharta telah meningkat kepada RM52.42 bilion, setelah mengambil kira faedah terakru aset-aset tersebut. Danaharta telah berjaya memulihkan NPL berjumlah RM30.35 bilion, iaitu RM27.47 bilion dalam bentuk tunai dan RM2.88 bilion dalam bentuk aset pemulihan berbaki (*residual recovery assets*).

Tuan Yang di-Pertua,

5. Danaharta telah menamatkan operasi pada 31 Disember 2005 seperti dirancang dan pengurusan jumlah RM2.88 bilion aset pemulihan berbaki tersebut telah diserahkan kepada Prokhas Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan untuk bertindak sebagai ejen kutipan bagi aset tersebut. Sehingga Mei 2010, Prokhas telah berjaya memungut sejumlah RM2.94 bilion lagi, lebih tinggi daripada nilai asal berjumlah RM2.88 bilion disebabkan peningkatan dalam nilai semasa aset berkenaan.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pemulihan terakhir yang dicapai oleh Danaharta adalah setinggi 58%. Kadar pemulihan tersebut adalah merupakan kadar yang tinggi jika dibandingkan dengan agensi seumpamanya di rantau ini, yang mana





mencatatkan kadar pemulihan antara 20% sehingga 50% sahaja. Langkah yang diambil oleh Kerajaan ini telah berjaya mempercepatkan usaha pemulihan ekonomi dan mengelakkan daripada berlakunya ketidakpercayaan terhadap sistem perbankan atau *bank runs* serta mengelakkan berlakunya ketidakstabilan sosial dan politik seperti mana yang berlaku di negara-negara lain.

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA PUAN TEO NIE CHING  
[SERDANG]**

**TARIKH 29 JUN 2010 (SELASA)**

**SOALAN**

Puan Teo Nie Ching [ Serdang ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sebab-sebab penyiaran 8 daripada 10 episod program dokumentari "Galeri Nasional Mandarin" yang membincangkan masalah-masalah yang melanda kaum orang asli tapak pembinaan Empangan Bakun dibatalkan oleh TV2 menjelang pilihanraya kecil di Sibu.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pembatalan penyiaran dokumentari yang membincangkan masalah penduduk di tapak pembinaan Empangan Bakun tiada kaitan dengan

SOALAN NO: 44-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN  
RAKYAT**

Pilihan Raya Kecil di Sib. Keputusan menarik balik dokumentari berkenaan dibuat secara profesional memandangkan ia tidak mematuhi Garis Panduan Siaran RTM selain tidak memuatkan tujuan sebenar projek dan faedahnya kepada negara. Berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) penyediaan sesuatu program, RTM bertanggungjawab memastikan rakyat mendapat maklumat yang seimbang tentang projek-projek yang dilaksanakan.

AtOvC^

-

Pertanyaan PERTANYAAN LISAN  
Daripada **PEMBERITA** Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]  
Tarikh **HU** 29 Jun 2010 [Selasa]  
Soalan **PERTANYAA**  
**N** [ No. 45 ]  
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PERUSAHAAN**  
**DEWAN**  
**PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan samada  
**RAKYAT,**  
Kementerian bercadang untuk membuka semula Skim Penanaman  
**MALAYSIA**  
Getah dan Koko secara terbuka kepada rakyat di samping program-  
program lain yang dijalankan.

#### JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Penanaman Getah dan Koko di bawah Kementerian saya tidak pernah ditutup dan sentiasa terbuka kepada rakyat terutamanya pekebun kecil. Melalui skim ini, bantuan benih tanaman getah dan benih koko yang berkualiti, baja dan racun rumpai diberikan kepada pekebun kecil. Setiap pekebun kecil yang terpilih menyertai skim ini perlu mengikuti kursus asas penanaman dan pengurusan kebun dengan penekanan kepada amalan pertanian yang baik.

Skim Penanaman Getah dan Koko yang dilaksanakan di bawah Kementerian ini oleh Lembaga Getah Malaysia dan Lembaga Koko Malaysia adalah seperti berikut:

#### Tanaman Getah

i. **Model Pengurusan Kebun Getah Berdaya Maju dengan Pakej Teknologi Getah**

Matlamat program ini ialah untuk meningkatkan produktiviti pokok-pokok getah matang berusia melebihi 15 tahun melalui penggunaan teknologi rangsangan gas atau bahan kimia etefon untuk menggalakkan pengeluaran lateks. Daripada Jun 2006 sehingga 31 Mei 2010, seramai 846 pekebun kecil getah persendirian yang melibatkan kawasan seluas 1,734 hektar telah menerima bantuan di bawah program ini.

ii. **Pemindahan Teknologi dan Pembangunan Pekebun Kecil Getah di Sabah dan Sarawak**

Program ini dilaksanakan di Sabah dan Sarawak dengan objektif untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran getah kepada 1,200 hingga 1,500 kg per hektar setahun. Bantuan diberi dalam bentuk khidmat nasihat, kursus dan peralatan sistem torehan berintensiti rendah (Low Intensity Tapping System - LITS) serta input pertanian seperti baja dan racun rumpai. Daripada Jun 2006 sehingga 31 Mei 2010, seramai 243 pekebun kecil getah dengan keluasan 663 hektar di Sabah dan 465 pekebun kecil dengan keluasan 615 hektar di Sarawak telah menerima bantuan di bawah program ini.

iii. **Program Bantuan Bahan Tanaman Berkualiti Bagi Penanaman Baru Getah Untuk Pekebun Kecil Persendirian di Sabah**

Di bawah program ini, setiap pekebun kecil diberi bantuan sebanyak 450 anak benih getah berkualiti untuk memulakan penanaman getah. Daripada November 2009 sehingga 31 Mei 2010, sebanyak 472,720 anak benih telah diagihkan kepada 1,050 pekebun kecil persendirian di Sabah.

**iv. Program Galakan Penanaman Getah Klon Lateks Balak (*Latex Timber Clone* - LTC) Kepada Pekebun Getah di Sarawak**

Program ini dimulakan pada November 2009 dengan tujuan untuk menggalakkan penanaman getah dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil di Sarawak. Sehingga 31 Mei 2010, Lembaga Getah Malaysia telah membekalkan sebanyak 258,221 anak benih getah LTC kepada 454 pekebun kecil persendirian untuk menanam semula pokok-pokok getah tua dengan pokok getah klon lateks balak (LTC).

**Tanaman Koko**

**i. Program Pemulihan Tanaman Koko Pekebun Kecil**

Program ini dilaksanakan dengan matlamat untuk memulihkan kawasan tanaman koko terbiar atau pokok tua yang kurang produktif. Bagi tempoh Januari 2006 hingga 31 Mei 2010, seluas 2,298 hektar kawasan tanaman koko melibatkan seramai 1,407 pekebun kecil telah menerima bantuan pemulihan tanaman koko.

**ii. Program Peluasan Kawasan Tanaman Koko**

Melalui program ini, Kerajaan mensasarkan untuk menanam 2,000 hektar setahun kawasan<sub>3</sub> baru dengan tanaman koko

bagi menambah keluasan kawasan koko sedia ada serta meningkatkan pengeluaran biji koko untuk menampung permintaan industri pengisaran koko tempatan. Dalam tempoh Januari 2006 hingga 31 Mei 2010, seluas 11,245 hektar yang melibatkan 11,104 pekebun kecil di Semenanjung, Sabah dan Sarawak telah ditanam dengan klon baru yang berhasi tinggi.

iii. **Program Integrasi Koko dengan Tanaman Lain**

Lembaga Koko Malaysia turut menggalakkan penanaman koko dengan tanaman lain secara integrasi seperti dengan buah-buahan (durian dan dokong), kelapa, getah dan kelapa sawit untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil koko. Dalam tempoh Januari 2006 sehingga 31 Mei 2010, seluas 2,166 hektar tanaman koko telah ditanam dengan tanaman lain secara integrasi.

Program ini mula dilaksanakan pada Januari 2007 dengan matlamat untuk mengekalkan pekebun koko sedia ada terus mengusahakan tanaman koko. Melalui program ini, Lembaga koko Malaysia memberi bantuan baja, racun rumpai dan serangga serta menyediakan kemudahan pusat pemprosesan biji koko yang digunakan secara berkelompok. Dalam tempoh Januari 2007 hingga 31 Mei 2010, seramai 1,704 pekebun kecil koko telah menyertai skim kelompok tani yang melibatkan kawasan koko seluas 2,109 hektar. Lembaga Koko Malaysia juga telah membina 16 buah pusat pemprosesan dan pengeringan biji koko setempat untuk kegunaan pekebun kecil yang menyertai skim ini.



SOALAN NO:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**

**[ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH : 29 JUN 2010**

**SOALAN :**

**TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB minta PERDANA  
MENTERI**

menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan kebebasan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



(SPRM) untuk menguatkuasakan proses pendakwaan terhadap  
**JAWAPAN: YB DATO\* SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL**  
**AZIZ MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, hanya Peguam Negara sahaja yang diberikan kuasa untuk memulakan sesuatu pendakwaan. Kuasa-kuasa pendakwaan kes-kes jenayah rasuah, penyelewengan dan siaih guna kuasa adalah di bawah kuasa Pendakwa Raya sebagaimana termaktub di bawah Seksyen 58 Akta Suruhanjaya

**JAWAPAN: YB DATO\* SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

Pencegahan Rasuah Malaysia dan kuasa ini adalah kuasa mutlak Pendakwa Raya sebagaimana termaktub dalam Artikel 145 Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan amat terbuka akan pandangan dan saranan bagi meningkatkan keberkesanan SPRM. Namun cadangan dari Y.B. Kubang Kerian ini memerlukan kajian yang mendalam kerana ia akan melibatkan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO. 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA :

YB DATO'SERI TIONG KING SING (BN)

(BINTULU)

TARIKH

29 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

YB Dato' Seri Tiong King Sing (BN) (Bintulu) minta MENTERI PEMBANGUNAN

WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:

- (a) berapakah kes pembuangan bayi daripada tahun 2005 - 2009 dan tindakan pihak Kementerian ke atas ibu bapa yang dikenal pasti terlibat dalam pembuangan bayi; dan
- (b) apakah tindakan lanjut yang diambil oleh pihak Kementerian terhadap bayi-bayi yang terlibat dalam kes-kes pembuangan bayi.

#### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Mengikut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes pembuangan bayi mengikut negeri dari tahun 2005 hingga 2009 adalah sebanyak 407 kes. Negeri Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 105 kes diikuti oleh Johor dengan 83 kes dan Sabah dengan 65 kes manakala Perlis mencatatkan jumlah kes terendah dengan 1 kes diikuti oleh Kuala Lumpur dan Melaka dengan 2 dan 3 kes masing-masing.

Di bawah Kanun Keseksaan Seksyen 317, ibu bapa yang terlibat melakukan pembuangan bayi boleh didakwa dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 7 tahun atau dengan denda atau dengan kedua-duanya dan Seksyen 318 Kanun yang sama juga memperuntukkan hukuman penjara sehingga 2 tahun atau dengan denda atau dengan keduanya sekali bagi kesalahan membuang bayi yang telah mati.

Tuan Yang di-Pertua,

- b) KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berperanan untuk

menyelamat dan memberi perlindungan kepada bayi dibuang yang didapati masih hidup termasuklah melalui penyediaan tempat-tempat perlindungan kepada bayi-bayi tersebut. Kementerian mempunyai lima puluh lima (55) buah institusi kebajikan, satu ratus empat (104) buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan lima puluh lima (55) buah Klinik Nur Sejahtera yang bersedia menerima bayi-bayi yang memerlukan perlindungan. Selain itu, tindakan lanjut yang diambil oleh JKM terhadap bayi-bayi yang terlibat dalam kes-kes pembuangan bayi adalah berdasarkan peruntukan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 melalui Program Anak Pelihara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayi yang tidak dituntut oleh ibu bapa akan ditawarkan untuk dijadikan anak pelihara kepada pemohon yang memohon anak pelihara. Tawaran akan dibuat bagi mereka yang benar-benar layak dan dapat memberi penjagaan dan perlindungan yang terbaik kepada kanak-kanak serta berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh JKM. Akta Kanak-

kanak 2001 menetapkan ibu bapa pelihara perlu memelihara kanak-kanak bagi tempoh dua tahun sebelum bayi dijadikan anak angkat sekiranya pemohon ingin berbuat demikian. Status anak pelihara akan kekal sekiranya ibu bapa pelihara enggan menjadikan kanak-kanak tersebut sebagai anak angkat. Proses permohonan dan kelulusan untuk menjadikan kanak-kanak sebagai anak angkat adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara.

Selain itu, kerjasama dengan NGO juga diwujudkan untuk menempatkan kanak-kanak yang berusia 2 hingga 12 tahun melalui Program Anak Pelihara. Pemantauan sentiasa dijalankan oleh JKM sama ada urusan penyerahan kanak-kanak tersebut dilaksanakan

oleh JKM sendiri mahupun NGO untuk memastikan kanak-kanak diberi penjagaan dan perlindungan selaras dengan ketetapan Konvensyen Bagi Hak Kanak-kanak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN AMRAN BIN AB GHANI  
[ TANAH MERAH ]  
TARIH 29 JUN 2010  
SOALAN**

Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah-langkah segera dan proaktif diambil Kerajaan dalam membendung gejala tak cukup katil dan kehabisan bekalan ubat di hospital-hospital Kerajaan khas di Tanah Merah yang amat menyusahkan rakyat dalam slogan rakyat didahulukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian sedia maklum dengan masalah kesesakan pesakit dan pertambahan permintaan untuk katil-katil di hanya beberapa buah hospital KKM. Hospital-hospital ini lazimnya adalah

Hospital Berpakar di bandar yang menyediakan perkhidmatan sekunder dan tertier serta menjadi pusat rujukan di negeri tersebut.

Di antara langkah-langkah yang diambil adalah menaiktaraf hospital-hospital untuk meningkatkan bilangan katil. Sebagai contoh di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Umum Sarawak.

Di samping itu, pihak Kementerian juga memberi tumpuan kepada Perkhidmatan Rawatan Harian untuk pelbagai disiplin kepakaran. Perkhidmatan Rawatan Harian menyediakan perkhidmatan untuk pesakit-pesakit yang tidak memerlukan kemasukan ke wad seperti mereka yang menjalani prosedur endoskopi dan kemoterapi. Justru itu, permintaan kepada katil pesakit dalam dapat dikurangkan agar bilangan katil mencukupi untuk pesakit-pesakit akut (acute cases).

Untuk pesakit-pesakit kronik yang perlu tinggal lebih lama di hospital untuk rawatan lanjutan dan program pemulihan seperti kes-kes Ortopedik, pesakit boleh dirujuk kepada Hospital Tanpa Pakar berhampiran di mana kadar penggunaan katil adalah rendah.

Lawatan berkala diadakan oleh Pegawai Perubatan Pakar ke Hospital-Hospital Tanpa Pakar dari semasa ke semasa untuk mengurangkan jumlah kehadiran pesakit di Klinik-Klinik Pakar. Dengan ini kes-kes yang dirujuk ke Hospital Pakar dapat dikurangkan.

Sekiranya terjadi gangguan bekalan ubat atau peningkatan keperluan

yang berubah, beberapa langkah akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan ubat seperti berikut:

1. Mendapatkan bekalan ubat yang diperlukan daripada sumber lain seperti pembekal alternatif atau mendapatkan bekalan dari fasiliti kesihatan yang masih ada stok.
2. Menggantikan rawatan sediaada dengan ubat yang mempunyai kesan yang sama.
3. Bagi rawatan penyakit kronik, pesakit akan menerima bekalan ubat-ubatan secara berperingkat mengikut tarikh pengambilan ubat yang telah ditetapkan. Dengan cara ini liputan agihan bekalan ubat-ubatan yang diperlukan akan lebih meluas dan seterusnya boleh menurunkan kejadian terputus bekalan ubat.

Pada tahun 2010, keseluruhan peruntukan KKM juga mengalami penurunan yang sama seperti kementerian-kementerian lain. Peruntukan ubat yang telah diterima sehingga Mac 2010 adalah RM1,186 juta, iaitu penurunan sebanyak 15.4% berbanding jumlah peruntukan ubat tahun 2009. Walau bagaimanapun, KKM akan memastikan peruntukan ubat diberi keutamaan untuk penyampaian penjagaan kesihatan rakyat. KKM juga sentiasa memantau rapi kedudukan kewangan setiap negeri supaya agihan peruntukan selaras dengan keperluan terkini.

Hospital Tanah Merah yang beroperasi dengan 120 buah katil dengan kadar penggunaan katil 67.59% pada tahun 2009, menyediakan 7 perkhidmatan kepakaran iaitu Perubatan Am, Pembedahan Am, Ortopedik, Obstetrik & Ginekologi, Pediatrik, Anestesiologi dan

Radiologi.

Bagi menampung keperluan katil, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan telah memohon sebuah projek untuk membina satu blok 5 tingkat bagi menempatkan Wad Pediatrik, Wad Lelaki, Wad Perempuan dan Klinik Pakar di dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Sebanyak 150 katil akan diwujudkan di blok baru ini jika terlaksana kelak.

Hospital Tanah Merah telah menerima peruntukan pada 16 Februari 2010 berjumlah RM1,892,898.00 di mana sehingga April 2010, telah membelanjakan sebanyak RM1,354,074.00 untuk perolehan ubat-ubatan. Sehubungan itu, perolehan ubat yang dibuat di Hospital Tanah Merah adalah berdasarkan kepada pemantauan berterusan terhadap kedudukan stok dan keperluan semasa. Peruntukan yang sedia ada masih mencukupi untuk perolehan bekalan ubat-ubatan bagi hospital tersebut.



NO. SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [ PULAI ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>29 JUN 2010 (SELASA)</b>

**SOALAN**

Y.B. Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [ Pulai ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek Medini yang terletak dalam kawasan Iskandar sejak dilancarkan. Berapakah jumlah pelaburan baru yang dibuat oleh pelabur asing dari Timur Tengah sejak dilancarkan.

**JAWAPAN:**

Sehingga bulan **April 2010**, Iskandar Malaysia telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM60.18 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM26.96 bilion adalah merupakan pelaburan asing di mana pelaburan dari **Timur Tengah** adalah berjumlah **RM4.2 bilion**. Pelaburan dari Timur Tengah adalah ditumpukan kepada pembangunan infrastruktur di **Medini Iskandar** yang meliputi kawasan seluas 2,230 ekar persegi. Pelaburan dari Timur Tengah adalah diterajui oleh konsortium Syarikat Mubadala dan konsortium dari Kuwait Finance House (KFH).

Pembangunan di Medini Iskandar merangkumi tiga pembangunan berkelompok (*development cluster*) iaitu:

- i. Rekreasi dan Gaya Hidup (*Lifestyle and Leisure*);
- ii. Kluster Kebudayaan (*Cultural Cluster*); dan
- iii. Pusat Kewangan Iskandar (*Iskandar Financial District*).

Pada masa ini, pembangunan infrastruktur dan utiliti utama seperti pembinaan lebuh raya, simpanan air (*reservoir*) dan kemudahan utiliti di Medini Iskandar

sedang dalam pelbagai peringkat di antara 17% hingga 41% pelaksanaan. Bagi pelaksanaan projek seperti Gedung Membelilah (*Retail Mall*) dan Legoland, kedua-dua projek sedang dalam pembinaan kerja-kerja tanah dan cerucuk masing-masing pada peringkat 70% dan 80% pelaksanaan.

## SOALAN ( 50)

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH 29 JUN 2010 (SELASA)  
DARIPADA Y.B. TUAN NCA KOR MING(TAIPING)

#### SOALAN

**Y.B. TUAN NCA KOR MING (TAIPING)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN kerajaan tempatan** menyatakan kedudukan terbaru pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal (Solidwaste Management Act 2007) dan jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak Kerajaan serta jumlah bantuan kewangan termasuk pinjaman yang diberikan kepada tiga (3) konsortium syarikat swasta dalam pelaksanaan Akta itu.

#### JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara sedang memuktamadkan peraturan-peraturan yang diperlukan apabila Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 berkuatkuasa. Sebaik sahaja peraturan-peraturan ini dan beberapa masalah teknikal lain diselesaikan, Akta tersebut dirancang dikuatkuasakan

## **SOALAN ( 50)**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

pada akhir tahun 2010 atau awal 2011.

Mengenai penswastaaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal isi rumah, KPKT bersama-sama UKAS, Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Kewangan sedang memuktamadkan kadar tarif bagi membolehkan Perjanjian Konsesi ditandatangani. Berdasarkan peruntukan yang telah dibelanjakan oleh PBT diseluruh Semenanjung pada tahun 2007, kos pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan awam dianggarkan RM1 billion dan kos tersebut dijangka meningkat apabila Kerajaan memperkenalkan KPI yang lebih ketat untuk dipatuhi oleh syarikat konsesi. Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah memberi komitmen bahawa Kerajaan Persekutuan akan menampung sebarang kenaikan kos akibat pematuhan kepada KPI yang diwujudkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk memberikan sebarang pinjaman atau pinjaman mudah kepada syarikat konsesi.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2010

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA** : DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE  
[ MAS GADING ]

**TARIKH** : 29 JUN 2010

**SOALAN**

Datuk Dr Tekhee @ Tiki Anak Lafe [Mas Gading] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bolehkah Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk melaksanakan kerja menyukat tanah adat Bumiputera (NCR Land) supaya masyarakat Bumiputera di Sarawak, khususnya kaum Bidayuh, Iban dan Orang Ulu tidak menjadi penghuni setinggan di tanah tumpah darah mereka sendiri.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) pada dasarnya bersedia membantu Kerajaan Negeri Sarawak untuk melaksanakan kerja-kerja menyukat Tanah Adat Bumiputera (NCR) di Sarawak sekiranya dipohon berbuat demikian. Sebagai persediaan awal, Kementerian telah mengadakan pertemuan dengan pihak Jabatan Tanah dan Survei Sarawak pada bulan Mac yang lepas tetapi difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak masih mempunyai kemampuan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut.

Bagaimanapun, Kementerian tiada sebarang halangan sekiranya pihak Kerajaan Negeri Sarawak berhasrat melaksanakan sendiri kerja-kerja tersebut dan memohon peruntukan secara terus kepada Kerajaan Persekutuan kerana hal-hal berkaitan tanah adalah

terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

*NO-.B X*

PERTANYAAN            LISAN  
DARIPADA            TUAN TAN TEE BENG  
                                 [ NIBONG TEBAL - BEBAS ]  
TARIKH                29 JUN 2010 (SELASA)

**SOALAN NO. 60**

Tuan Tan Tee Beng [ Nibong Tebal ] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan

- (a) apakah jenis peruntukan terkini yang tersedia untuk persatuan belia dan persatuan sukan di Malaysia untuk mendaftar dan berapakah jumlah yang disediakan; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk membantu semua sekolah bagi mengembangkan atlit masa depan yang berpotensi.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak menyediakan peruntukan khas kepada mana-mana persatuan yang ingin mendaftar dengan pihak Kementerian.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

2. Namun bagi persatuan belia yang telah mendaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan persatuan sukan dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS), permohonan bantuan untuk menjalankan aktiviti berkaitan belia dan sukan boleh dibuat melalui sistem e-bantuan dengan melayari laman web Kementerian ([www.kbs.aov.my](http://www.kbs.aov.my)). Namun bagi tahun 2010, hanya bantuan untuk menjalankan aktiviti sukan sahaja disediakan dengan peruntukan RM2

juta. Manakala, bagi persatuan belia Kementerian hanya menyediakan bantuan pentadbiran dengan jumlah dana RM4.6 juta.

Kementerian difahamkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mempunyai program mereka sendiri dalam usaha melahirkan atlet-atlet yang berpotensi seperti pelaksanaan Program Mengenal Pasti Bakat (TID), Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS), penganjuran pertandingan sukan oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM), mewujudkan Akademi Bola Sepak Negeri dan Liga Bola Sepak KPM.

SOALAN NO. 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TENG BOON SOON (BN) (TEBRAU)

TARIKH 29 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

Y.B. Tuan Teng Boon Soon (BN) [Tebrau] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mengapa Kementerian tidak meminda syarat pemberian bantuan kepada keluarga miskin yang kini berlandaskan pendapatan keluarga bulanan RM720 kepada kadar yang lebih tinggi memandangkan masih ramai yang sebenarnya memerlukan bantuan tetapi tidak dapat dibantu. JAWAPAN Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan amat prihatin terhadap keperluan golongan yang berpendapatan rendah terutamanya kesukaran yang dihadapi berikutan kenaikan kos sara hidup. Menyedari hakikat ini, bagi meluaskan liputan jaringan keselamatan sosial, Kerajaan bersetuju tahap kelayakan pendapatan isi rumah bagi penerima bantuan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dinaikkan daripada RM400 sebulan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 sebulan bagi Semenanjung Malaysia, RM830 (Sarawak) dan RM960 (Sabah) mulai tahun 2009.

Untuk makluman Yang Berhormat, syarat pemberian bantuan kebajikan bukan semata-mata bergantung kepada pendapatan keluarga. Selain melihat pendapatan keluarga sebagai kelayakan asas dalam pemberian bantuan kebajikan, JKM juga mengambil kira faktor-faktor lain seperti jumlah ahli isi rumah yang perlu ditanggung, keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga dan tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua,

Trend semasa menunjukkan bahawa Kerajaan memperuntukkan jumlah kewangan yang besar setiap tahun bagi tujuan bantuan kebajikan. Peruntukan kewangan ini semakin meningkat dari setahun ke setahun. Sebagai contoh, pada tahun 2007, JKM membelanjakan RM322 juta bagi membantu 207,828 kes golongan yang memerlukan. Jumlah ini meningkat kepada RM371 juta (221,602 kes) pada tahun 2008 dan RM714 juta (357,135 kes) pada tahun 2009.

Mengambil kira peruntukan kewangan yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi tujuan pemberian bantuan kebajikan, cadangan menaikkan tahap kelayakan pendapatan keluarga kepada kadar yang lebih tinggi akan melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan. Keadaan ini akan menjurus kepada negara kebajikan (*welfare state*) yang mana penerima bantuan kebajikan bergantung sepenuhnya kepada bantuan Kerajaan secara berterusan.

Selain itu, langkah menaikkan pendapatan keluarga sebagai syarat untuk menerima bantuan kebajikan tidak dapat menyelesaikan masalah mereka yang berpendapatan rendah. Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



(KPWKM) berpendapat sudah tiba masanya sistem kebajikan dilihat dari perspektif berbeza bagi melahirkan satu sistem kebajikan yang berteraskan *productive welfare*. Pendekatan ini menjurus kepada penyediaan persekitaran yang membolehkan penerima bantuan serta ahli keluarga mereka tidak terlalu bergantung kepada Kerajaan serta berupaya menjana pendapatan sendiri.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara - Meningkatkan Taraf Hidup Golongan Rakyat Yang Berpendapatan Rendah yang diterajui oleh KPWKM, inisiatif Program 1AZAM telah diperkenalkan. Secara khusus, objektif Program 1AZAM adalah untuk menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan miskin tegar dan miskin dalam bentuk peluang perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan. Projek-projek di bawah program 1AZAM adalah seperti berikut:

(i) **rojek AZAM Niaga**

Projek ini bertujuan untuk menjana peluang perniagaan melalui latihan dan kemudahan pinjaman dengan kerjasama **Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)**, **Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)** dan **Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)**.

(ii) **Projek AZAM Tani**

Projek AZAM Tani bermatlamat untuk mewujudkan peluang menjana pendapatan dalam sektor berasaskan pertanian dengan kerjasama **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**.

(iii) **Projek AZAM Khidmat**

Projek ini bertujuan melatih dan menyediakan individu yang berkemahiran dalam bidang perkhidmatan untuk bekerja sendiri seperti memotong rumput, penjagaan landskap, *mobile car wash*, pembantu pusat jagaan dan penjagaan ibu bersalin.

**Projek AZAM Kerja**

Projek AZAM Kerja bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan dengan kerjasama

**Kementerian Sumber Manusia.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

	JAWAB LISAN
<b>BERTANYAAN</b>	TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA
<b>TARIKH</b>	29 JUN 2010 (SELASA)
<b>SOALAN</b>	N0.54

Tuan Mohd Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sebab penahanan 4 orang mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia semasa Pilihanraya Kecil Hulu Selangor.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu pelajar UKM yang didakwa dibawah AUKU kerana terlibat dalam pilihanraya kecil Hulu Selangor masih dalam proses perbicaraan dan kementerian tidak akan membuat apa-apa ulasan lanjut yang boleh mengganggu urusan perbicaraan.

NO. AUP:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PERTA LISAN NYAAN :
TARIKH	TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]
RUJUKAN	29 JUN 2010 (SELASA) 2767

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa tiada sebarang pindaan dicadangkan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri sehingga sekarang dan sekiranya ada, apakah cadangan tersebut dan pandangan siapa diperolehi sebelum cadangan itu dibuat. Adakah pindaan juga akan dicadangkan kepada undang-undang lain yang membenarkan tahanan tanpa perbicaraan dan apakah pindaan itu.

**JAWAPAN :**

**NO. AUM : 65**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Puchong yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli yang terhormat bahawa Kementerian dalam proses kajian terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), Kementerian telah turut mengadakan sesi-sesi Pertemuan Awam (*Public Engagement*) bagi mendengar pandangan serta mendapatkan buah fikiran dari semua pihak dan *stakeholders*. Pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh agensi-agensi penguat kuasa, badan-badan bukan kerajaan, pakar akademik, pengamal undang-undang, ahli-ahli politik, ahli-ahli parlimen, pengamal media serta orang awam telah diambil kira dan diberikan perhatian di dalam usaha penambahbaikan dan pindaan kepada Akta ini.

Hasil daripada siri pertemuan awam tersebut, Kementerian juga telah mengenal pasti lima (5) isu pokok yang menimbulkan ketidakpuashatian sesetengah pihak terhadap penguatkuasaan dan pelaksanaan ISA. Lima (5) isu pokok tersebut adalah;

- i) kuasa-kuasa Menteri;
- ii) tempoh tahanan;
- iii) hak-hak dan layanan terhadap orang tahanan;

- iv) persepsi umum-perlaksanaan AKDN 1960; dan
- v) penahanan tanpa bicara.

**NO. AUM : 34**

Walaupun bagaimanapun, Jemaah Menteri pada 19 Mac 2010 telah mengambil maklum perkara ini dan telah menetapkan supaya kajian dilanjutkan kepada akta-akta atau undang-undang pencegahan yang lain. Hasil daripada kajian selanjutnya itu, Kementerian telah memutuskan untuk turut melakukan semakan dan kajian terhadap tiga (3) lagi iaitu Akta Kediaman Terhad 1933, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Buang Negeri 1959.

Dalam hubungan ini adalah dijangkakan keenam-enam (6) akta iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985, Akta Kediaman Terhad 1933, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Buang Negeri 1959 akan dibentangkan di dalam sesi Dewan Rakyat.

NO. AUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN

PERTANYAAN PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]  
DARIPADA  
TARIKH 29 JUN 2010  
2765

~~SOALAN~~  
~~RUJUKAN~~

Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah garis panduan yang sedia ada (jika ada) di dalam menjalankan 'spot check' kenderaan oleh polis trafik dan PDRM. Bagaimanakah Kementerian dapat memastikan bahawa pegawai bertugas tidak mengutamakan penguatkuasaan lalulintas seperti lampu trafik daripada pencegahan jenayah.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

NO. AUM : 34

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, dalam menjalankan 'spot check' kenderaan oleh polis trafik dan PDRM, terdapat undang-undang dan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh anggota bertugas seperti Seksyen 21 Akta Polis 1967, Seksyen 24 Akta Polis 1967, Seksyen 55 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Seksyen 105 Kanun Prosedur Jenayah 1987 (Akta 593), dan Perintah Tetap Ketua Polis Negara mengenai sekatan jalan raya dan '*spot check*'.

Tuan Yang Dipertua,

PDRM mempunyai lapan (8) jabatan termasuk Pasukan Trafik dan Jabatan Siasatan Jenayah yang menjalankan fungsi dan tanggungjawab masing-masing. Setiap jabatan mempunyai bidang tugas dan prosedur yang jelas. Sehubungan itu, tidak timbul isu pihak polis memberi keutamaan terhadap penguatkuasaan lalulintas berbanding pencegahan jenayah.



